



BAB 2

Agenda PMKS pada Peringkat Global & Serantau dan Pengantarabangsa



Bab 2

Agenda PMKS pada Peringkat Global & Serantau dan Pengantarabangsaan

Matlamat agenda PMKS global adalah untuk memperkukuh sektor ekonomi yang kritikal dengan mewujudkan sebuah ekosistem yang memupuk inovasi, akses pembiayaan dan menggalakkan pertumbuhan yang mampan. Organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan Bank Dunia merupakan pemain utama dalam menggerakkan dasar bagi memperkasakan PMKS. Organisasi serantau seperti Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (Association of Southeast Asian Nations, ASEAN), Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Asia-Pacific Economic Cooperation, APEC), Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (Organisation for Economic Co-operation and Development, OECD), blok perdagangan lain serta Pertubuhan Perdagangan Dunia (World Trade Organization, WTO) sedang memajukan agenda pengantarabangsaan PMKS melalui perjanjian perdagangan, program pembangunan keupayaan serta sokongan bagi menembusi pasaran bagi mempercepat integrasi PMKS ke dalam rantaian nilai global.

PERSATUAN NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA (ASEAN)


Jawatankuasa Penyelaras ASEAN bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (*ASEAN Coordinating Committee on Micro, Small and Medium Enterprises, ACCMSME*) memainkan peranan penting dalam memacu pengantarabangsaan PMKS di rantau ini. Terdapat sekitar 70 juta PMKS di negara anggota ASEAN, merangkumi 97.2% sehingga 99.9% pertumbuhan di rantau ini dan menyumbang sebanyak 85% kepada guna tenaga, 44.8% kepada KDNK dan 18% kepada eksport negara.

Jawatankuasa ini bersidang sebanyak dua kali setahun secara giliran dalam kalangan 10 negara anggota ASEAN untuk membangunkan dasar, program dan aktiviti agar selari dengan usaha integrasi oleh ASEAN untuk mewujudkan rantau ekonomi yang stabil, makmur dan daya saing yang tinggi. Sekretariat ASEAN telah menganjurkan mesyuarat ACCMSME ke-17 dari 14 - 17 Mei 2024 di Jakarta, Indonesia dan telah membincangkan status projek peringkat ASEAN, kerjasama dengan agensi luar dan inisiatif utama di bawah Pelan Tindakan Strategik ASEAN bagi Pembangunan PKS 2016 – 2025 (*ASEAN Strategic Action Plan for SME Development 2016 - 2025, SAP SMED 2025*). SAP SMED 2025 bertujuan membangunkan PKS yang lebih berdaya saing dan berdaya tahan di peringkat global menjelang tahun 2025.

Antara inisiatif utama di bawah SAP SMED 2025 ialah:

i. **Pelan Tindakan bagi Galakan Perniagaan Inklusif di ASEAN (2023 - 2027)**

Pelan yang memerlukan galakan pertumbuhan ekonomi inklusif dengan menyokong model perniagaan inklusif, memfokuskan kepada empat bidang utama dalam kerjasama serantau iaitu sokongan khidmat nasihat dasar; pembangunan perniagaan inklusif; akses kepada pembiayaan; dan penubuhan satu hab pengetahuan ASEAN mengenai perniagaan inklusif. Pada Forum Perniagaan Inklusif ASEAN ke-7 yang diadakan di Vientiane, Lao PDR pada 23 - 24 September 2024, negara anggota



ASEAN dikehendaki untuk memberikan maklum balas mengenai Model Rangka Kerja bagi Sistem Akreditasi Perniagaan Inklusif serta pemantauan berterusan bukti konsep bagi tahun 2023 - 2027.

ii. Go Digital ASEAN

Go Digital ASEAN (GDA) telah dilaksanakan di Indonesia, Lao PDR, Thailand dan Viet Nam oleh Yayasan Asia dengan sokongan daripada Google. GDA menyediakan latihan kemahiran digital kepada PMKS dan pekerja, terutamanya golongan kurang diberi perhatian termasuk wanita. Seramai lebih 225,000 peserta telah dilatih pada fasa pertama yang dilancarkan pada tahun 2020. Fasa kedua menyasarkan seramai 200,000 peserta bagi latihan lanjutan mengenai celik perniagaan, pemasaran digital, keselamatan siber dan amalan kelestarian.

iii. Alat Diagnostik bagi Menilai Kesediaan Digital

Satu alat diagnostik bagi menilai kesediaan digital PMKS yang dibangunkan di bawah Jawatankuasa Kerjasama Ekonomi dan Industri AEM-METI (*AEM-METI Economic and Industrial Cooperation Committee*, AMEICC) telah dilancarkan pada pertengahan tahun 2024. Setiap negara anggota ASEAN telah diberikan penunjuk prestasi utama untuk mempromosikan alat tersebut yang boleh diakses melalui Akses ASEAN dan Akademi PKS ASEAN. Latihan secara dalam talian juga disediakan bagi lima wakil daripada setiap negara anggota ASEAN.

iv. Program ASEAN Invest Fit Acceleration

Program ASEAN Invest Fit Acceleration oleh Jepun menyokong model perniagaan yang inovatif dan mampan bagi firma pada peringkat permulaan di negara anggota ASEAN dengan memupuk inovasi keusahawanan, mempertingkatkan akses pasaran dan membina kerjasama jangka masa panjang antara firma pada peringkat permulaan di ASEAN dan syarikat Jepun. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui Centre for Entrepreneur Development and Research Sdn. Bhd. (CEDAR) telah memohon bagi menyertai projek tersebut dan dalam perbincangan bersama Kerjasama Jepun-ASEAN untuk menambah baik cadangan tersebut.



KERJASAMA EKONOMI ASIA-PASIFIK (APEC)

Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) ialah satu forum ekonomi serantau dengan 21 anggota ekonomi yang ditubuhkan pada tahun 1989 bertujuan untuk memanfaatkan perkembangan kesalingbergantungan ekonomi-ekonomi di Asia Pasifik dengan memudah cara perdagangan dan pelaburan, mengintegrasikan ekonomi dan bekerjasama dalam menangani cabaran seperti pendigitalan dan perubahan iklim.

PKS merangkumi lebih 97% daripada jumlah perniagaan, menggaji lebih daripada separuh tenaga kerja dan menyumbang antara 40% ke 60% kepada KDNK merentasi ekonomi APEC. Meskipun peranan mereka yang penting, PKS hanya menyumbang sekitar 35% atau kurang kepada eskport langsung. Kumpulan Kerja Perusahaan Kecil dan Sederhana APEC (*Small and Medium Enterprises Working Group, SMEWG*) menangani isu ini dengan membantu PKS mempertingkatkan keupayaan mereka untuk terlibat dalam perdagangan antarabangsa.

APEC SMEWG ke-57 yang diadakan di Nusa Dua, Bali pada 24 - 25 April 2024 telah dihadiri oleh 19 delegasi daripada 21 anggota ekonomi APEC. Perbincangan pada mesyuarat tersebut memberi tumpuan terhadap projek dan inisiatif oleh setiap anggota ekonomi, membuat semakan terhadap Pelan Strategik SMEWG serta data dan keboleheperasian kajian. SMEWG telah menetapkan lima (5) bidang keutamaan, merangkumi kemajuan setiap bidang yang dilaporkan dalam mesyuarat tersebut.

LIMA (5) BIDANG KEUTAMAAN SMEWG




 BIDANG
KEUTAMAAN

7

Keusahawanan, Inovasi dan Firma pada Peringkat Permulaan

i. Indonesia: Pembangunan Keusahawanan bagi Inisiatif *Start-up Go Global*

Inisiatif *Start-up Go Global* mempunyai tiga fasa teras: bimbingan, inkubasi dan pembiayaan. Bagi fasa bimbingan, firma pada peringkat permulaan disokong dengan program keusahawanan, rundingan dan bimbingan mengenai pembangunan perniagaan. Fasa inkubasi memudah cara firma pada peringkat permulaan terhadap inkubasi perniagaan di peringkat awal untuk meningkatkan keupayaan dan mengembangkan jalinan manakala pada fasa pembiayaan, PKS dan firma pada peringkat permulaan yang berjaya membuktikan peningkatan keupayaan perniagaan akan diperkukuh dengan suntikan modal melalui akses kepada pembiayaan alternatif.

ii. Republik Korea: Program Inkubator Teknologi untuk Firma pada Peringkat Permulaan

Program Firma pada Peringkat Permulaan Korea oleh Kementerian PKS dan Firma pada Peringkat Permulaan (Ministry of SMEs and Start-ups) menyokong firma pada peringkat permulaan di pelbagai peringkat pertumbuhan termasuk program utama seperti Program Inkubator Teknologi bagi Firma pada Peringkat Permulaan dan Akademi Firma pada Peringkat Permulaan Belia untuk memupuk generasi usahawan seterusnya memberi sokongan khusus bagi penerokaan teknologi mendalam (*deep tech ventures*).

iii. Thailand: Indeks PKS Hijau

Indeks PKS Hijau merupakan satu alat penilaian sendiri bagi membantu PKS mengukur potensi perniagaan selari dengan prinsip perniagaan hijau. Empat dimensi diambil kira dibawah indeks ini: pengurusan kelestarian, rantai nilai, tadbir urus dan inovasi. Indeks ini sesuai untuk semua saiz perniagaan dengan markah diberi bergantung kepada saiz dan berfungsi sebagai panduan bagi usahawan mengubah perniagaan mereka ke arah lebih hijau.


 BIDANG
KEUTAMAAN

2

Akses PKS kepada Pasaran Antarabangsa dan Rantaian Nilai Global

i. Malaysia: Program Eksport Perniagaan PMKS oleh SME Bank

Program Eksport Perniagaan (*Business Exports Programme*, BEP) merupakan program intervensi berstruktur yang dibiayai oleh KUSKOP dan diuruskan oleh SME Bank dengan kerjasama MATRADE. BEP membantu PMKS meningkatkan kapasiti dan keupayaan dalam kesediaan untuk menembusi pasaran eksport.

ii. Republik Korea: Program Globalisasi Korea

Program Globalisasi Korea oleh Kementerian PKS dan Firma pada Peringkat Permulaan bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dengan menubuhkan kem pangkalan globalisasi di seluruh dunia bagi menyokong PKS di Korea dengan bekerjasama dengan syarikat tempatan bagi menyumbang kepada ekonomi dalam negeri. Sebanyak 20 kem pusat telah berjaya ditubuhkan pada masa ini. Pihak Kementerian juga menyokong globalisasi PKS melalui *Global Accelerating Programme* dan kerjasama dengan syarikat besar.

**BIDANG
KEUTAMAAN****3****Pembangunan Keupayaan Inklusif ke Arah Pendigitalan****i. Malaysia: Program *Online Onboarding Coaching* oleh INSKEN**

Program *Online Onboarding Coaching* (E-Board) memberi keutamaan terhadap perniagaan inklusif dengan memberi akses sama rata kepada inisiatif pembinaan keupayaan, memperkukuh perniagaan kecil dan usahawan wanita yang mempunyai kesukaran berkaitan kemahiran & pengetahuan untuk berkembang dalam ekonomi digital. Program bimbingan selama tiga bulan ini dijalankan oleh industri dan pakar platform e-dagang, merangkumi platform media digital & sosial seperti WhatsApp, Telegram, Instagram, Facebook, YouTube, Lazada, Shopee dan TikTok dengan sasaran untuk mencapai peningkatan jualan sebanyak 20%. Sekitar 1,000 usahawan, majoriti terdiri daripada wanita telah merekodkan peningkatan jualan keseluruhan purata berjumlah RM1.7 juta.

ii. Peru: Garis Panduan Pelaksanaan Laluan Keutamaan bagi Intervensi Digital MYPE

Digital MYPE memberikan latihan kepada pekerja syarikat untuk memperoleh kemahiran dan pengetahuan digital bagi menggunakan teknologi digital. Bantuan teknikal yang khusus diberikan untuk memilih, menyelenggara dan menggunakan alat digital yang sesuai dengan keperluan khusus bagi setiap perniagaan untuk memastikan semua syarikat mempunyai akses kepada peluang pendigitalan yang sama, justeru menggalakkan kesamarataan dalam pasaran.

**BIDANG
KEUTAMAAN****4****Akses kepada Pembiayaan dan Penyelesaian Kewangan Alternatif****i. Hong Kong, China: Menyokong Akses PKS kepada Kewangan dan Pembiayaan Alternatif**

Hong Kong telah melaporkan mengenai inisiatif bagi menyokong PKS dalam penyelesaian kewangan dan pembiayaan alternatif. Pada Februari 2024, Hong Kong telah mengumumkan lanjutan selama dua tahun bagi tempoh permohonan Produk Jaminan 80% dan 90% di bawah Skim Jaminan Kewangan PKS. Pihak Hong Kong Monetary Authority (HKMA) juga telah melaksanakan beberapa siri tindakan pada bulan Mac 2024 untuk membantu PKS mendapatkan bantuan kewangan daripada bank dan menyokong pembangunan berterusan termasuk mempercepat proses permohonan, memberikan tempoh peralihan bagi enam pelarasan had kredit dan menyediakan satu platform sebagai pusat rujukan untuk berkongsi maklumat mengenai perkhidmatan bank kepada PKS. HKMA juga telah melancarkan *Commercial Data Interchange* pada bulan Oktober 2022 bagi membolehkan perantaraan kewangan yang lebih cekap dalam sistem perbankan serta menambah baik keterangkuman kewangan PKS.

ii. Indonesia: Mempercepat Akses kepada Kewangan melalui Pemerksaan Wanita

Permodalan Nasional Madani (PNM) yang merupakan subsidiari kepada perusahaan milik kerajaan, menyediakan kemudahan akses kewangan kepada wanita yang kurang berkemampuan dan perusahaan mikro termasuk program pemerksaan yang lain. PNM menyediakan tiga jenis modal kepada pelanggan: modal kewangan, modal intelektual dan modal sosial. Modal kewangan diberikan dalam bentuk pinjaman antara USD150 ke USD645. Pengukuhan semula sosial dijalankan dalam kalangan kumpulan sasaran seperti wanita yang kurang berkemampuan untuk menggalas tanggungjawab bersama melalui penyertaan pertemuan mingguan secara berkumpulan dan berkhidmat sebagai pemimpin kumpulan. Pembangunan modal intelek melibatkan program pemerksaan kumpulan dengan memupuk nilai-nilai pemikiran perniagaan, meningkatkan keharmonian, hubungan kekeluargaan dan kerjasama bersama serta memupuk amalan menyimpan dalam kalangan PMKS. PNM juga menyokong agenda kewangan inklusif dengan menyediakan penyaluran tanpa tunai kepada 99.8% pelanggannya.

BIDANG
KEUTAMAAN

5

Interaksi Kerajaan dengan Perniagaan

i. Chinese Taipei: Daripada Peringkat Permulaan Firma pada Peringkat Permulaan ke Tawaran Awam Permulaan melalui Pembiayaan Kerajaan

Chinese Taipei menekankan kekuatan kerjasama awam-swasta melalui kisah kejayaan sebuah firma pada peringkat permulaan. PKS tersebut yang menyediakan penyelesaian digital antipenipuan, menunjukkan bagaimana sebuah firma pada peringkat permulaan dapat berkembang dari peringkat permulaan hingga tawaran awam permulaan (*initial public offerings*, IPO) melalui kerjasama pembiayaan awam-swasta, bimbingan dan tadbir urus korporat. Firma tersebut kini bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang di Republik Korea, Jepun, Republik Filipina, Thailand dan Malaysia untuk menangani penipuan di peringkat antarabangsa.

PERTUBUHAN KERJASAMA DAN PEMBANGUNAN EKONOMI (OECD)

Cadangan mengenai Dasar PKS dan Keusahawanan, yang diterima pakai oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (Organisation for Economic Co-operation and Development, OECD) pada 10 Jun 2022, menekankan beberapa bidang utama untuk pembangunan PKS dengan matlamat membantu Kerajaan merangka dasar yang berkesan bagi PKS dan usahawan dalam tempoh pemulihan pascapandemik serta peralihan ke arah ekonomi yang lebih hijau dan digital.

Cadangan ini dibangunkan berasaskan tiga tonggak utama yang saling berkait: penyelarasan dasar & tadbir urus, peralihan & daya tahan dan akses kepada sumber. Penyelarasan rangka kerja dasar dan tadbir urus yang berkesan akan menjamin proses merangka dasar yang bersepadu dan cekap dengan mengambil kira keperluan PKS yang pelbagai. Rangka kerja peralihan dan daya tahan dapat menangani peluang dan cabaran yang dihadapi PKS terhadap perubahan ekonomi dan sosial yang berterusan dan meningkatkan akses PKS kepada kewangan, kemahiran dan inovasi yang dapat membantu mewujudkan peluang yang setara.

Sementara itu, *Financing SMEs and Entrepreneurs 2024: An OECD Scoreboard* memberi tumpuan mengenai kesan inflasi dan dasar monetari yang diperketat terhadap pembiayaan PKS, yang mengakibatkan peningkatan kos pembiayaan yang ketara serta penurunan mendadak dalam pinjaman. Laporan ini juga menunjukkan peningkatan peranan pembiayaan lestari dalam menyokong PKS semasa peralihan hijau, walaupun banyak PKS bergelut untuk mengakses dana ini akibat kesukaran dalam menyediakan data kelestarian dan rancangan peralihan yang boleh dipercayai.

Laporan ini memantau trend pembiayaan PKS, termasuk penunjuk seperti hutang, ekuiti serta syarat pembiayaan dan tekanan perusahaan di hampir 50 negara. Penunjuk ini bertujuan membantu pembuat dasar dan pihak berkepentingan menilai keperluan pembiayaan PKS serta kesan reformasi terhadap pembiayaan tersebut.

Laporan ini memantau trend pembiayaan PKS, termasuk penunjuk seperti hutang, ekuiti serta syarat pembiayaan dan tekanan perusahaan di hampir 50 negara. Penunjuk ini bertujuan membantu pembuat dasar dan pihak berkepentingan menilai keperluan pembiayaan PKS serta kesan reformasi terhadap pembiayaan tersebut.

PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS

Malaysia baru-baru ini meratifikasi penyertaan United Kingdom (UK) dalam Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (*Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership*, CPTPP), menjadikannya Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement*, FTA) dua hala pertama Malaysia dengan UK. Malaysia merupakan sebahagian daripada proses ratifikasi ini, bersama dengan Jepun, Singapura dan Viet Nam yang akan meningkatkan gabungan KDNK blok CPTPP kepada USD15.4 trilion (RM63.8 trilion), atau 15% daripada KDNK global. Perjanjian ini dijangka berkuat kuasa menjelang akhir tahun 2024. Kesan serta-merta daripada ratifikasi ini adalah pengecualian duti untuk 94% garis tarif, terutamanya untuk eksport Malaysia seperti minyak sawit, koko, getah dan produk elektronik.

Sehingga kini, Malaysia telah menyertai 16 FTA, yang terdiri daripada tujuh (7) FTA dua hala dan sembilan (9) FTA serantau. Penyertaan Malaysia dalam FTA ini memberikan peluang kepada PMKS tempatan untuk mengembangkan capaian mereka ke peringkat antarabangsa memandangkan FTA dapat mengurangkan atau menghapuskan halangan perdagangan, khususnya pengurangan atau pemansuhan tarif serta memudahkan peraturan perdagangan rentas sempadan. FTA juga menggalakkan kerjasama antara negara, sekali gus memberi manfaat kepada PMKS melalui pemindahan teknologi, inovasi dan akses kepada amalan terbaik dalam industri utama serta membuka peluang untuk pelaburan dan kerjasama dengan rakan strategik asing. Rangkuman elemen pendigitalan dan kelestarian dalam beberapa FTA juga menyokong PMKS dalam menyesuaikan perniagaan dengan perubahan landskap global dan memposisikan PMKS kepada pertumbuhan dan kejayaan untuk jangka masa panjang.

FTA Dua Hala

1. Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun (*Malaysia-Japan Economic Partnership Agreement*, MJEPA)
2. Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Pakistan (*Malaysia-Pakistan Closer Economic Partnership Agreement*, MPCEPA)
3. Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-New Zealand (*Malaysia-New Zealand Free Trade Agreement*, MNZFTA)
4. Perjanjian Kerjasama Ekonomi Komprehensif Malaysia-India (*Malaysia-India Comprehensive Economic Cooperation Agreement*, MICECA)
5. Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Chile (*Malaysia-Chile Free Trade Agreement*, MCFTA)
6. Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (*Malaysia-Australia Free Trade Agreement*, MAFTA)
7. Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Turki (*Malaysia-Türkiye Free Trade Agreement*, MTFTA)

FTA Serantau

1. Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (*ASEAN Free Trade Area*, AFTA)
2. Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-China (*ASEAN-China Free Trade Area*, ACFTA)
3. Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Korea (*ASEAN-Korea Free Trade Agreement*, AKFTA)
4. Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif ASEAN-Jepun (*ASEAN-Japan Comprehensive Economic Partnership*, AJCEP)
5. Perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-India (*ASEAN-India Free Trade Area*, AIFTA)
6. Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN, Australia dan New Zealand (*ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Agreement*, AANZFTA)
7. Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Hong Kong, China (*ASEAN-Hong Kong, China Free Trade Agreement*, AHKFTA)
8. Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership*, RCEP)
9. Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (*Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership*, CPTPP)

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DENGAN PIHAK ANTARABANGSA

SME Corp. Malaysia telah menandatangani memorandum persefahaman (*memorandum of understanding*, MoU) dengan pelbagai agensi pembangunan PMKS dan agensi antarabangsa untuk memperkukuh hubungan dua hala dalam pembangunan PMKS, khususnya berkaitan pertukaran maklumat, kemajuan teknologi dan akses kepada pasaran untuk PMKS Malaysia. Antara rantau utama yang dipertimbangkan untuk kerjasama adalah Timur Tengah, ASEAN dan Eropah.

Di Timur Tengah, kerjasama dalam produk Halal, kewangan Islam dan teknologi hijau amat baik. Permintaan bagi barangan dan perkhidmatan yang disahkan Halal terus berkembang di peringkat global dan Malaysia sebagai peneraju industri ini, berada pada kedudukan yang baik untuk bekerjasama dengan rakan-rakan di Timur Tengah bagi memperluas pasaran ini. Dorongan ke arah kelestarian dan tenaga boleh baharu di rantau tersebut juga menawarkan peluang yang baik kepada PMKS Malaysia untuk menyumbang kepada teknologi hijau dan penyelesaian berkaitan alam sekitar.

Di ASEAN, integrasi serantau dan ekonomi digital merupakan bidang kerjasama utama. Perkongsian yang kukuh dalam pendigitalan, e-dagang dan ekosistem inovasi akan membantu PMKS memanfaatkan pengguna di ASEAN yang sedang berkembang pesat, manakala pembangunan pembuatan pintar dan teknologi Industri 4.0 menyediakan peluang untuk bekerjasama dalam automasi, kecerdasan buatan dan penyelesaian logistik.


Eropah, dengan tumpuan terhadap kelestarian dan pembuatan maju, menawarkan potensi kerjasama dalam teknologi hijau, sektor tenaga boleh baharu dan berteknologi tinggi. Terdapat peluang untuk PMKS Malaysia menjalinkan usaha sama dalam bidang farmaseutikal, bioteknologi dan perkhidmatan digital dengan memanfaatkan tumpuan Eropah terhadap inovasi dan penyelidikan & pembangunan (R&D) untuk mewujudkan sinergi yang saling menguntungkan.

PERTUBUHAN PERDAGANGAN DUNIA


Pertubuhan Perdagangan Dunia (World Trade Organization, WTO) menggalakkan perdagangan antarabangsa dan menyediakan satu platform perundingan yang boleh memberi manfaat kepada PMKS. Inisiatif seperti program Bantuan untuk Perdagangan (*Aid for Trade*) membantu negara maju dan negara kurang maju, untuk membina keupayaan dan infrastruktur yang diperlukan bagi meraih manfaat daripada pembukaan perdagangan di samping menyediakan bantuan teknikal untuk membangunkan strategi perdagangan, mengadakan lebih banyak rundingan yang berkesan dan melaksanakan hasil tersebut.

IMPAK DAN KEBERKESANAN BANTUAN UNTUK PERDAGANGAN

Bidang utama Bantuan untuk Perdagangan yang mempunyai impak



Cabaran utama yang dihadapi bagi menyelaras Bantuan untuk Perdagangan dengan objektif dasar



■ Negara Rakan Kongsi (penerima bantuan yang terdiri daripada negara / ekonomi maju dan kurang maju)

■ Penderma (penyumbang dana yang terdiri daripada negara maju, organisasi pelbagai hala atau komuniti ekonomi)

Pada bulan Mei 2023, WTO telah melancarkan Portal Data Perdagangan Global untuk membantu pengguna memantau aktiviti rantai bekalan, termasuk memberi amaran awal terhadap sebarang potensi gangguan, sebagai contoh, melalui pengenalan papan pemuka untuk perdagangan gandum melalui laut bagi meningkatkan ketelusan pasaran terutamanya ketika berlaku cabaran keselamatan makanan. WTO melalui pangkalan data dan penerbitannya juga memberikan maklumat kuantitatif berkenaan ekonomi dan isu dasar perdagangan seperti aliran perdagangan, tarif, langkah bukan tarif dan perdagangan dalam nilai ditambah.

PROGRAM RANTAIAN GLOBAL PKS

Program Rantai Global PKS (*Glocal Linkages SME Programme*, GLOSMEP) oleh SME Corp. Malaysia ialah satu platform bersepadu bagi memudahkan akses PMKS ke pasaran domestik dan antarabangsa dengan menggalakkan penglibatan penting antara PMKS dan rakan niaga yang berpotensi.

Tiga Teras Utama di bawah GLOSMEP

Mendedahkan PMKS kepada peluang di pasaran tempatan dan luar negara

Menyediakan platform untuk jalinan perniagaan antara PMKS dan syarikat besar di dalam dan luar negara

Meningkatkan peluang rantai bekalan produk dan perkhidmatan PMKS kepada syarikat besar di dalam dan luar negara

Pelbagai aktiviti telah dijalankan dibawah GLOSMEP dengan 856 PMKS telah menyertai 882 sesi padanan perniagaan pada tahun 2023. Sesi ini telah diadakan melalui pelbagai program capaian seperti acara Padanan Perniagaan Program Peningkatan Industri Strategik dan Industri PKS Berprestasi Tinggi (*Programme for Enhancement of Strategic Industry and High Growth Enterprise*, PRESTIGE), Padaniaga@SDSI Peringkat Kebangsaan 2023 dan Padaniaga@Setahun Bersama Kerajaan Madani. Jualan berpotensi yang dihasilkan daripada semua penglibatan ini berjumlah RM258.3 juta, mencerminkan impak dan keberkesanan GLOSMEP dalam merencanakan pertumbuhan perniagaan dan pembangunan PMKS.

Platform MatchME yang merupakan salah satu komponen utama GLOSMEP, menghubungkan perniagaan melalui rangkaian dan padanan perniagaan secara maya dengan mempamerkan produk dan perkhidmatan, menyediakan akses pangkalan data syarikat tempatan dan global yang aktif dan mengadakan sesi rangkaian dan perjumpaan perniagaan secara bersemuka. Platform tersebut juga terbukti bukan sahaja dari segi penjimatan kos dan masa untuk aktiviti padanan perniagaan dengan firma asing, malah memudah cara interaksi dalam kalangan PMKS tempatan merentasi negara.

GLOSMEP bukan sahaja berjaya mewujudkan kesedaran yang lebih meluas mengenai destinasi pasaran strategik tetapi juga membantu PMKS untuk membuka jalan ke pasaran seperti China, Hong Kong, Taiwan, Türkiye, Thailand, United Kingdom, Emiriah Arab Bersatu, Indonesia, Perancis dan Amerika Syarikat. Aktiviti berikut telah dijalankan dengan kerjasama pelbagai penghubung pasaran dan rakan strategik.

- **Perjumpaan B2B PMKS Antarabangsa Malaysia-India**

SME Corp. Malaysia telah menganjurkan Perjumpaan B2B PMKS Antarabangsa Malaysia-India dari 27 hingga 28 Jun 2023. Lebih 300 PMKS terlibat iaitu dari India, Malaysia dan diaspora India di Australia, Kanada, Republik Korea, Emiriah Arab Bersatu, United Kingdom dan Singapura. Acara ini menyaksikan pelancaran e-direktori iaitu satu senarai komprehensif mengenai peniaga India-Malaysia termasuk




GLOSMEP bukan sahaja berjaya mewujudkan kesedaran yang lebih meluas mengenai destinasi pasaran strategik tetapi juga membantu PMKS untuk membuka jalan ke pasaran seperti China, Hong Kong, Taiwan, Türkiye, Thailand, United Kingdom, Emiriah Arab Bersatu, Indonesia, Perancis dan Amerika Syarikat.

lebih 120 syarikat dan persatuan perdagangan India di Malaysia. Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce and Industry, MAICCI) telah menandatangani dua MoU bersama World Tamil Chamber of Commerce dan Divine Bharat Chamber of Commerce. Sesi padanan perniagaan Malaysia-India yang diadakan bersempena acara tersebut mencatatkan potensi jualan sebanyak RM28.1 juta.

- **Pembaharuan MoU Kerjasama antara SME Corp. Malaysia dan KOSGEB**

SME Corp. Malaysia dan Small and Medium-Sized Industry Development Organisation (KOSGEB) telah memperbaharui MoU pada 11 September 2023 bagi mengukuhkan hubungan yang lebih erat. Inisiatif *Global BeLinked* yang merupakan satu platform padanan perniagaan untuk PMKS Malaysia dan syarikat asing, telah dilancarkan pada masa yang sama oleh SME Corp. Malaysia. Sebanyak 12 firma Türkiye dan 37 PMKS Malaysia yang terlibat dalam inisiatif tersebut telah menandatangani 42 urusan niaga padanan perniagaan dengan potensi jualan bernilai sekitar RM9.6 juta. Pada bulan Februari 2024, SME Corp. Malaysia telah mengetuai satu misi penerokaan perniagaan ke Istanbul dan Sakarya bersama Dewan Perdagangan dan Perindustrian Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysian International Islamic Chamber of Commerce and Industry, MIICCI) dengan potensi perdagangan bernilai RM1.1 bilion.



- **Memudah cara Akses Pasaran melalui Kerjasama dengan Enterprise Singapore**

Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Encik Rizal bin Dato' Nainy dan Ketua Pegawai Eksekutif Enterprise Singapore, Encik Lee Chuan Teck telah menandatangani MoU bagi pihak organisasi masing-masing pada 30 Oktober 2023 bagi memperkukuh hubungan dua hala, terutamanya dalam bidang pendigitalan, latihan, kelestarian dan akses pasaran yang lebih luas untuk PMKS di antara kedua-dua negara. Malaysia telah mengenal pasti lapan sektor keutamaan untuk padanan perniagaan: pertanian pintar, elektrik & elektronik, aeroangkasa, peranti perubatan, industri Halal, minyak & gas, pelancongan dan biojisim. Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong, menyaksikan majlis menandatangani MoU di Istana, Singapura.

- **Misi ke Dubai dan Abu Dhabi 2024 Sempena Pameran Gulfood 2024**

Sebanyak 10 syarikat telah menyertai misi perdagangan ke Dubai dan Abu Dhabi dari 19 - 23 Februari 2024. SME Corp. Malaysia menganjurkan misi ini dengan kerjasama Perbadanan Nasional (Pernas) untuk meningkatkan penyertaan PMKS dalam perniagaan francais. Peserta mendapat maklumat tinjauan mengenai pasaran Dubai dan Abu Dhabi melalui pertemuan dengan pemain industri utama serta sesi pertemuan perniagaan dengan peruncit makanan, pembekal dan pengedar antarabangsa. Potensi jualan bernilai RM10 juta telah dijana sepanjang misi ini.

- **Forum Pasaran Penjagaan Kesihatan dan Peranti Perubatan Pintar Malaysia-Taiwan**

SME Corp. Malaysia telah menganjurkan Forum Pasaran Penjagaan Kesihatan dan Peranti Perubatan Pintar Malaysia-Taiwan melalui Microsoft Teams pada 4 Julai 2024 dengan kerjasama Taiwan Small and Medium Enterprise and Start-up Administration (SMESA) dan Institut Penyelidikan Ekonomi Taiwan (Taiwan Institute of Economic Research, TIER). Forum ini memberikan maklumat mengenai peraturan, peluang pasaran dan sokongan kepada syarikat dalam sektor penjagaan kesihatan dan peranti perubatan pintar di Malaysia dan Taiwan. Sebanyak 135 wakil daripada 78 syarikat Malaysia dan 57 syarikat Taiwan yang terdiri daripada pengeluar, pengeksport, pembekal dan pakar dalam perisian berkaitan penjagaan kesihatan serta bahan perubatan pakai buang turut menyertai forum tersebut.

PROGRAM PENGUKUHAN EKSPORT PMKS

Program Pengukuhan Eksport PMKS oleh SME Corp. Malaysia membantu PMKS melalui sokongan kewangan dan latihan untuk membina keupayaan bagi menembusi pasaran global. Pada tahun 2023, sebanyak 417 PMKS menerima bantuan kewangan berjumlah RM73.6 juta melalui pelbagai inisiatif seperti Galakan Eksport Bumiputera (GEB), *SMEs Go Global* (SMEGG), serta aktiviti pembangunan keupayaan eksport melalui program *Global Franchising Soft Landings and Trade Mission* (GFSLPTM) dan *Transforming SMEs into Exporters* (TSMEX).

GEB menawarkan geran padanan sehingga RM250,000 kepada PMKS beserta latihan untuk membangunkan keupayaan eksport dan pinjaman mudah sehingga RM5 juta yang diuruskan oleh MARA. Sehingga bulan Disember 2023, 59 PMKS Bumiputera menerima pembiayaan berjumlah RM67.5 juta, terdiri daripada 27 penerima geran padanan bernilai RM4.5 juta dan 32 penerima pinjaman mudah berjumlah RM63.1 juta. Sebanyak 149 PMKS juga menerima latihan bagi meningkatkan daya saing dan potensi eksport mereka. SMEGG pula menawarkan geran padanan sehingga RM200,000. Sehingga bulan Disember 2023, sebanyak 28 PMKS menerima geran bernilai RM4.3 juta manakala 268 PMKS lagi menerima latihan bagi mengukuhkan keupayaan eksport mereka.

SMEGG pula menawarkan geran padanan sehingga RM200,000. Sehingga bulan Disember 2023, sebanyak 28 PMKS menerima geran bernilai RM4.3 juta manakala 268 PMKS lagi menerima latihan bagi mengukuhkan keupayaan eksport mereka.

Program GFSLPTM merupakan satu inisiatif oleh SME Corp. Malaysia bersama Pernas untuk menyokong PMKS francais tempatan mengembangkan operasi ke pasaran antarabangsa berpotensi tinggi. Program *Soft Landings* telah diadakan di Universiti Swansea, United Kingdom (UK), dari 20 - 28 Januari 2024 untuk membantu usahawan francais Malaysia berkembang ke pasaran UK. Sebanyak 10 PMKS telah menyertai program tersebut yang direka untuk meningkatkan kebolehpayaan PMKS dengan melengkapkan mereka dengan maklumat penting dan pengetahuan praktikal untuk berjaya dalam pasaran antarabangsa seperti UK.

TSMEX ialah hasil kerjasama SME Corp. Malaysia dengan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) yang bertujuan melengkapkan PMKS Malaysia dengan kemahiran dan pengetahuan untuk berjaya dalam pasaran antarabangsa. Program ini mempunyai dua fasa: latihan & bengkel untuk membina asas pengetahuan eksport dan khidmat nasihat & bimbingan eksport khusus untuk PMKS terpilih yang bersedia untuk berkembang di peringkat global. Sebanyak 80 PMKS telah dilatih di bawah fasa pertama setakat bulan Jun 2024.

- **Lawatan Menteri KUSKOP ke Algeria**

Menteri KUSKOP telah mengetuai delegasi bagi lawatan kerja ke Algiers, Algeria bermula 1 - 4 Julai 2023 dan beliau bertemu dengan rakan sejawatnya di Algeria, Menteri Pengetahuan Ekonomi, Firma Peringkat Permulaan dan Perusahaan Algeria, Yang Terutama Yacine El Mahdi Oualid. Delegasi Malaysia juga telah

bertemu dengan entiti utama dalam ekosistem firma pada peringkat permulaan Algeria. Algerian Start-up Fund (ASF) mempamerkan pelbagai pilihan pembiayaan dan perkhidmatan sokongan yang menyeluruh untuk firma pada peringkat permulaan terutamanya dalam menggalakkan kepelbagaian jantina, dengan 15% daripada khidmat kewangan dan sokongan tersebut menyokong firma pada peringkat permulaan yang diasaskan oleh wanita. Delegasi juga diberi taklimat mengenai landskap firma pada peringkat permulaan di Algeria yang dinamik dan saluran untuk bekerjasama.

- **Sesi Bersama Dialog Dasar Peringkat Tinggi APEC mengenai Wanita dan Ekonomi serta Mesyuarat APEC Peringkat Menteri PKS**

Delegasi Malaysia, yang diketuai bersama oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Hajah Nancy Shukri dan bekas Ketua Setiausaha KUSKOP, Dato' Sri Suriani binti Dato' Ahmad, telah menghadiri Sesi Bersama Dialog Dasar Peringkat Tinggi APEC mengenai Wanita dan Ekonomi serta Mesyuarat APEC Peringkat Menteri PKS pada 20 Ogos 2023 di Seattle, Amerika Syarikat.

Pembentangan KUSKOP berkisar tentang program yang memperkasakan usahawan wanita melalui pelbagai inisiatif seperti Program Women Netpreneur oleh SME Corp. Malaysia, Program Usahawan Wanita (PUAN) oleh INSKEN, *BRPlus-i BizLady* oleh Bank Rakyat, Skim Pembiayaan Dalam Talian Tekun (SPOT) oleh TEKUN dan Platform Keusahawanan Digital (MyMall) yang dibangunkan oleh KUSKOP.



Dalam Mesyuarat APEC Peringkat Menteri PKS ke-29 yang diadakan pada 20 - 21 Ogos 2023, Pengerusi bagi Kumpulan Kerja PKS memaklumkan kepada peserta mengenai pelaksanaan Pelan Strategik SMEWG 2021 - 2024, termasuk dapatan daripada kajian separuh penggal, penilaian semasa dan semakan projek APEC yang menggalakkan PMKS hijau, mampan dan inovatif. Majlis Penasihat Perniagaan APEC (APEC Business Advisory Council, ABAC) turut memaklumkan mengenai program kerja dan inisiatifnya. Anggota ekonomi APEC berkongsi amalan terbaik dalam Bidang Keutamaan melalui pembentangan dan intervensi. Bidang Keutamaan yang dibincangkan ialah:



Pengerusi telah memberikan kenyataan di penutup Mesyuarat APEC Peringkat Menteri PKS ke-29 dengan menegaskan komitmen kumpulan APEC untuk mencapai Wawasan Putrajaya APEC 2040 melalui Pelan Tindakan Aotearoa untuk membentuk komuniti Asia Pasifik yang terbuka, dinamik, berdaya tahan dan sejahtera, dengan penekanan khusus diletakkan pada pertumbuhan berkualiti untuk membawa manfaat nyata dalam pembangunan sosioekonomi.

Artikel Khas

Penyertaan PMKS dalam Rantainya Nilai Global

Peningkatan pengantarabangsa melalui penyertaan dalam rantaian nilai global (*global value chains*, GVC) memberikan PMKS peluang untuk mencapai ekonomi skala, meluaskan bahagian pasaran dan meningkatkan produktiviti. Pendedahan terhadap proses pembelajaran bersama rakan kongsi dalam GVC menghasilkan perkongsian pengetahuan yang menambah baik modal insan dan teknologi yang akhirnya, menghasilkan pertumbuhan dan potensi pendapatan yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, integrasi dalam rantaian pengeluaran global memberi cabaran strategik kepada PMKS, termasuk kekurangan hubungan PMKS dan rakan kongsi antarabangsa; jurang teknologi antara PMKS dan firma besar; dan kurang pendedahan bagi PMKS di industri bukan pelancongan kepada pasaran eksport.

Galakan perdagangan antarabangsa dan hubungan antara PMKS tempatan dan rakan kongsi antarabangsa adalah penting bagi meningkatkan integrasi dalam GVC, namun hubungan yang lemah antara PMKS tempatan dan firma besar, syarikat berkaitan kerajaan (*government-linked companies*, GLC) dan syarikat multinasional (*multinational companies*, MNC) telah menyebabkan penyertaan PMKS yang rendah dalam GVC sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Firma yang lebih besar memperoleh input mereka melalui import atau daripada firma besar tempatan yang lain dan bukannya dari PMKS, seperti yang dapat dilihat dengan jelas dalam Tinjauan PMKS 2024 oleh SME Corp. Malaysia. Kaji selidik ini melaporkan bahawa hanya 26.2% daripada responden membekalkan produk kepada firma besar / GLC / MNC dan berintegrasi dalam GVC.



Kaji selidik yang sama menunjukkan bahawa bilangan pengeksport PMKS masih rendah, meskipun bilangan meningkat sedikit daripada 15% pada tahun 2022 kepada 16.9% pada tahun 2023. Sementara itu, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan bahawa nilai eksport PMKS meningkat daripada RM145.6 bilion pada tahun 2022 kepada RM152.2 bilion pada tahun 2023. Analisis di peringkat firma juga mencadangkan bahawa PMKS sebahagian besarnya, terlibat di bahagian bawah (*lower end*) dalam rantaian nilai global dan juga mempunyai akses yang terhad kepada maklumat pasaran, data dan teknologi.

Di Malaysia, 72% daripada firma besar telah memenuhi piawaian kualiti eksport antarabangsa manakala hanya 8.5% firma kecil dan 15.6% firma bersaiz sederhana telah berjaya melaksanakannya. Jurang teknologi yang ketara antara PMKS dan firma besar menjadi cabaran besar untuk integrasi PMKS ke dalam GVC, ditambah lagi dengan kekurangan tenaga kerja berkemahiran serta program peningkatan kemahiran pekerja yang berkesan; keengganan PMKS untuk melabur dalam teknologi berikutan ketersediaan pekerja asing yang murah; halangan kewangan yang tinggi terhadap penerapan teknologi; dan kekurangan pendedahan kepada pasaran eksport bagi PMKS di industri bukan pelancongan. Campur tangan Kerajaan adalah diperlukan bagi membolehkan penyertaan PMKS yang lebih tinggi dalam GVC dengan merapatkan jurang dalam pembiayaan dan penerapan teknologi serta memudah cara pembangunan bakat dan pendedahan pasaran.

Menyedari bahawa GVC muncul sebagai rangka kerja yang penting dalam memahami kesalinghubungan ekonomi dan industri dalam pasaran global hari ini, PMKS perlu menyesuaikan strategi mereka untuk kekal berdaya saing dan mampan. Dengan landskap ekonomi global yang semakin berkembang, terdapat keperluan untuk memberi tumpuan kepada langkah jangka panjang yang selari dengan trend global yang sedang membangun, terutamanya dalam tiga perspektif iaitu:



Peningkatan dalam penghantaran rentas sempadan, dipacu oleh pertumbuhan pesat perdagangan barangan pembuatan di samping liberalisasi global terhadap dasar perdagangan, juga telah membolehkan firma membuat pembahagian bagi proses pengeluaran mereka merentasi pelbagai negara. Peruntukan strategik ini menawarkan perniagaan untuk mengambil peluang daripada kekuatan serantau dan kecekapan kos, sekali gus menyumbang kepada ekonomi global yang lebih bersepadu dan saling berkait.

Kemajuan dalam teknologi terutamanya mengenai perkhidmatan pengedaran dan logistik telah meningkatkan kecekapan rantaian bekalan secara ketara, lantas membolehkan perniagaan menyelaras operasi dan mengoptimumkan peruntukan sumber. Peningkatan kecekapan telah memudah cara penyertaan yang lebih tinggi dalam GVC dan mengembangkan peluang untuk perdagangan global. Peningkatan dalam penghantaran rentas sempadan, dipacu oleh pertumbuhan pesat perdagangan barangan pembuatan di samping liberalisasi global terhadap dasar perdagangan, juga telah membolehkan firma membuat pembahagian bagi proses pengeluaran mereka merentasi pelbagai negara. Peruntukan strategik ini menawarkan perniagaan untuk mengambil peluang daripada kekuatan serantau dan kecekapan kos, sekali gus menyumbang kepada ekonomi global yang lebih bersepadu dan saling berkait.


Selain itu, dengan maklumat yang tersedia di hujung jari pengguna, firma semakin tertekan untuk memastikan ketelusan dalam rantaian bekalan mereka, menjadikan mereka lebih terdedah kepada risiko reputasi. Pemegang saham, pengguna dan Kerajaan bersama-sama kini mengharapkan firma bertanggungjawab sepenuhnya untuk setiap peringkat rantaian bekalan lanjutan mereka, daripada pemerolehan bahan mentah kepada penghantaran produk akhir. Perkara ini mencerminkan penekanan yang semakin tinggi kepada amalan perniagaan yang beretika dan mampan, dengan ketelusan

bukan lagi pilihan tetapi merupakan keperluan asas. Oleh itu, mengekalkan integriti rantaian bekalan menjadi komponen penting dalam strategi korporat, dipacu oleh keperluan untuk kebolehlihatan dan kebertanggungjawaban dalam persekitaran undang-undang, sosial dan perniagaan yang kompleks hari ini.

Faktor kekurangan memberikan cabaran ekonomi asas, terutamanya berkaitan penggunaan sumber asli Bumi yang tidak mampan. Memandangkan keseimbangan antara penawaran dan permintaan menjadi lebih kompleks, dinamik pasaran beralih daripada mekanisme harga tradisional kepada limpahan alam sekitar dan etika perniagaan. Anjakan ini mencerminkan tahap kesedaran yang lebih tinggi mengenai keperluan untuk mengambil kira kesan aktiviti ekonomi ke atas alam sekitar. Seterusnya, terdapat permintaan mendesak untuk pendekatan inovatif bagi menambah baik kecekapan sumber, seperti meningkatkan kecekapan tenaga, mengurangkan sisa makanan dan membangunkan alternatif yang berdaya maju untuk sumber yang semakin berkurangan. Dengan mengutamakan perkara ini, penyelesaian yang lebih dipercayai dan berkekalan boleh diwujudkan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dan penjagaan alam sekitar.

Menyedari hal ini, beberapa strategi telah dikenal pasti dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Pelan Strategik Perniagaan SME Corp. Malaysia 2022 - 2030. Dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-12, pelbagai langkah akan diambil untuk menerajui pembaharuan struktur, meningkatkan daya saing serta membina ekonomi yang mampan dan berorientasikan global. Malaysia berhasrat untuk menjadi peneraju serantau dalam industri berpertumbuhan tinggi dan bernilai tinggi (*high-growth and high-value*, HGHV) dengan meningkatkan daya tahan industri sektoral dan strategik untuk memacu daya saing bagi pertumbuhan yang mampan, meningkatkan keberkesanan sokongan kewangan yang disediakan serta menyusun strategi pembangunan perindustrian dan pengeluaran makanan. Keutamaan akan diberikan kepada pembangunan sumber pertumbuhan baharu, khususnya dalam industri HGHV dan untuk menarik lebih banyak pelaburan yang berkualiti dalam industri berasaskan teknologi bagi merangsang pertumbuhan sektoral dan mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi.

Empat langkah di bawah RMKe-12 untuk meningkatkan integrasi PMKS dalam rantaian bekalan domestik dan global



Keutamaan akan diberikan untuk menangani halangan yang mengekang perkembangan PMKS memandangkan penglibatan PMKS dalam rantaian bekalan berpotensi untuk mentransformasikan firma menjadi firma berpertumbuhan tinggi yang akan memberikan sumbangan lebih besar kepada ekonomi serta mewujudkan pekerjaan bergaji tinggi. Sejajar dengan objektif pembangunan PMKS di bawah RMKe-12, dua bidang tumpuan di bawah Pelan Strategik Perniagaan SME Corp. Malaysia 2022 - 2030 adalah berkait rapat dengan meningkatkan penyertaan PMKS dalam GVC. Bidang tumpuan ini adalah Rantaian Nilai dalam Industri Berimpak Tinggi dan Pengantarabangsaan PKS.

Beberapa strategi jangka panjang di bawah dua bidang tumpuan tersebut adalah:

BIDANG TUMPUAN 1

Rantaian Nilai dalam Industri Berimpak Tinggi

- ▶ Menjajarkan semula PMKS untuk menyertai rantaian nilai industri berimpak tinggi
- ▶ Mempercepat jalinan perniagaan dengan firma yang lebih besar dan membantu PMKS dalam pematuhan kepada keperluan pasaran & teknologi
- ▶ Menyesuaikan peralihan global ke arah inovasi dan kemajuan teknologi

BIDANG TUMPUAN 2

Pengantarabangsaan PKS

- ▶ Disokong oleh pendirian Malaysia dalam menggalakkan pelaburan langsung asing
- ▶ Integrasi rantaian bekalan yang lebih besar melalui padanan perniagaan, FTA, e-dagang dan piawaian antarabangsa
- ▶ Program Jalinan Pasaran untuk memudah cara aktiviti pengantarabangsaan PKS seperti pembinaan keupayaan dan risikan pasaran

Dengan daya saing global yang semakin meningkat, bidang yang dikenal pasti untuk intervensi dan strategi dasar ini adalah penting untuk pembangunan PMKS yang mampan dan integrasi mereka ke dalam rantaian nilai global.

Artikel Khas

Peluang untuk PMKS Malaysia dalam Blok Ekonomi Sedang Membangun

Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim telah mengumumkan pada bulan Julai 2024 bahawa Malaysia telah memohon untuk menyertai BRICS. BRICS – dinamakan sempena singkatan lima negara anggota asal – merupakan sebuah organisasi antara kerajaan yang diasaskan oleh Brazil, Rusia, India dan China pada tahun 2009 dan disertai oleh Afrika Selatan pada tahun 2010. Pada bulan Januari 2024, BRICS+ telah dibentuk memandangkan keahlian blok telah diperluas meliputi Argentina, Mesir, Ethiopia, Iran, Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu. Sebanyak 34 buah negara lagi, termasuk Malaysia, telah memohon keahlian. Keahlian semasa BRICS+ mewakili 45% daripada populasi dunia dan 30% daripada wilayahnya, 28% daripada ekonomi global, 30% daripada KDNK global, 40% daripada KDNK global (pariti kuasa beli) (*purchasing power parity*, PPP) dan 18% daripada perdagangan global.

BRICS menubuhkan Bank Pembangunan Baharu pada tahun 2015 untuk membiayai projek infrastruktur dan pembangunan mampan dalam kalangan anggota dan ekonomi sedang pesat membangun. Majlis Perniagaan BRICS juga telah dibentuk bagi menggalakkan perniagaan, pelaburan dan perdagangan dalam kalangan ahli manakala *Contingent Reserve Arrangement* telah ditubuhkan untuk menyediakan sokongan melalui mudah tunai (*liquidity*) dan instrumen luar jangkaan untuk membantu ahli bertindak terhadap tekanan imbalan pembayaran jangka pendek. Negara anggota BRICS+ juga bekerjasama dalam projek dan pertukaran akademik bagi meningkatkan kerjasama sains dan teknologi.

Faedah Keanggotaan BRICS untuk Malaysia

Perdagangan Malaysia dengan negara anggota BRICS+ kebanyakannya dalam produk pembuatan dan komoditi seperti minyak sayuran, gula mentah dan petroleum ditapis. Keanggotaan dalam BRICS+ bukan sahaja akan memberi akses yang lebih besar kepada pengguna dan pasaran pelaburan perniagaan seperti China, India dan pasaran sedang pesat membangun di Afrika dan Timur Tengah, tetapi juga membuka peluang untuk kerjasama yang lebih besar dalam industri berteknologi tinggi serta akses kepada pembiayaan infrastruktur daripada Bank Pembangunan Baharu.



Malaysia akan mendapat manfaat sebagai negara rakan BRICS+ dalam beberapa bidang:

- Akses kepada pasaran dan peluang perniagaan. Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan pelaburan BRICS+ berjumlah RM15.2 bilion (2.3% daripada kelulusan pelaburan langsung asing (*foreign direct investment*, FDI) pada tahun 2023. BRICS+ telah melabur sebanyak RM12.1 bilion atau 9.4% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor pembuatan;
- Pengukuhan hubungan perdagangan dan pelaburan dalam kedudukan Malaysia dalam sektor utama, terutamanya yang berpotensi bagi peningkatan FDI dalam sektor perladangan daripada negara BRICS+, terutamanya China yang menunjukkan minat untuk melabur dalam sektor pertanian di peringkat global;
- Peningkatan kestabilan dan daya tahan ekonomi dengan akses kepada *Contingent Reserve Arrangement* bagi sokongan mudah tunai semasa tekanan kewangan;
- Akses yang lebih meluas terhadap dana infrastruktur & pembangunan mampan melalui Bank Pembangunan Baharu;
- Mengalakkan inovasi melalui peningkatan kerjasama teknologi dan akademik; dan
- Mengurangkan kebergantungan kepada dolar AS.

Blok Ekonomi Lain

Keutamaan Malaysia pada masa ini adalah untuk meningkatkan perdagangan dan ekonomi serta meluaskan rangkaian ekonominya. Potensi yang besar dapat dilihat dalam dua blok yang sedang pesat membangun: Pasaran Umum Selatan (Southern Common Market, MERCUSOR) di Amerika Selatan dan Komuniti Ekonomi Negara-negara Afrika Barat (Economic Community of West African States, ECOWAS).


MERCUSOR – terdiri daripada Argentina, Brazil, Paraguay, Uruguay, Bolivia dan Venezuela – menonjol sebagai calon yang kuat untuk perdagangan dan perkongsian pelaburan berikutan asas ekonomi yang pelbagai dan besar berikutan mempunyai sektor pertanian dan pembuatan yang kukuh serta kaya dengan sumber asli. Blok tersebut, dengan gabungan populasi seramai 295 juta dan KDNK sebanyak USD2.2 trilion, menawarkan potensi ekonomi dan peluang pasaran yang kukuh. Brazil dan Argentina adalah pemain utama yang mempunyai pengaruh ekonomi yang ketara.


Satu lagi blok ekonomi sedang pesat membangun yang sedang diteroka oleh Malaysia adalah ECOWAS yang mempunyai 15 negara anggota terdiri daripada Nigeria, Ghana, Senegal, Benin, Burkina Faso, Cabo Verde, Côte D'Ivoire, Gambia, Guinea, Guinea Bissau, Liberia, Mali, Niger, Sierra Leone dan Togo. Dengan gabungan populasi kira-kira 400 juta, KDNK sebanyak USD750 bilion serta pasaran yang besar dan kian berkembang disokong oleh sumber asli yang kaya, ECOWAS memberi banyak peluang dalam pelbagai sektor untuk PMKS Malaysia.


Malaysia juga sedang mengkaji penglibatan yang lebih mendalam dengan OECD. Sejumlah 38 negara anggota OECD, yang meliputi ekonomi utama seperti Amerika Syarikat, Jepun, Jerman, United Kingdom, Perancis dan ekonomi sedang pesat membangun seperti Mexico, Chile dan Türkiye, mempunyai gabungan KDNK berjumlah kira-kira USD60 trilion dan populasi seramai 1.3 bilion. Potensi ekonomi daripada keanggotaan Malaysia dalam OECD terletak dalam pangkalan industri termaju blok itu, sektor perkhidmatan yang kukuh dan kedudukan utama dalam perdagangan global, iaitu kesemuanya akan memudah cara kerjasama membangunkan PMKS tempatan yang berpertumbuhan tinggi.

Satu lagi blok ekonomi sedang pesat membangun yang sedang diteroka oleh Malaysia adalah ECOWAS yang mempunyai 15 negara anggota terdiri daripada Nigeria, Ghana, Senegal, Benin, Burkina Faso, Cabo Verde, Côte D'Ivoire, Gambia, Guinea, Guinea Bissau, Liberia, Mali, Niger, Sierra Leone dan Togo.

Keanggotaan dalam blok ekonomi sedang pesat membangun seperti BRICS+, MERCUSOR dan ECOWAS serta pengaruh ekonomi OECD menawarkan peluang yang besar untuk PMKS Malaysia, terutamanya melalui pengurangan halangan perdagangan; kepelbagaian dalam pertumbuhan sektor; akses kepada pasaran besar; kepelbagaian yang lebih besar dalam peluang eksport; dan peluang pelaburan yang lebih besar daripada pelaburan langsung asing.

| | | |
|---|------------------------|--|
|  <p>MERCOSUR (PASARAN UMUM SELATAN)</p> | Negara Anggota | Argentina, Brazil, Paraguay, Uruguay, Venezuela (digantung), Bolivia (dalam proses) |
| | KDNK | Kira-kira USD2.2 trilion (2022) |
| | Populasi | 295 juta - Belia 25% - Penuaan 10% |
| | Potensi Ekonomi | Kukuh dalam sektor pertanian, pembuatan dan sumber asli. Brazil dan Argentina merupakan pemain utama yang mempunyai pengaruh ekonomi yang ketara |

| | | |
|---|------------------------|---|
|  <p>ECOWAS (KOMUNITI EKONOMI NEGARA-NEGARA AFRIKA BARAT)</p> | Negara Anggota | Nigeria, Ghana, Senegal, Benin, Burkina Faso, Cabo Verde, Côte D'ivoire, Gambia, Guinea, Guinea Bissau, Liberia, Mali, Niger, Sierra Leone dan Togo |
| | KDNK | Kira-kira USD750 bilion (2022) |
| | Populasi | 400 juta - Belia 42% - Penuaan 3% |
| | Potensi Ekonomi | Kaya dengan sumber asli, saiz pasaran yang besar. Nigeria merupakan ekonomi terkemuka dengan rizab minyak dan gas yang besar |

| | | |
|---|------------------------|---|
|  <p>OECD (PERTUBUHAN KERJASAMA DAN PEMBANGUNAN EKONOMI)</p> | Negara Anggota | 38 negara anggota termasuk ekonomi utama seperti Amerika Syarikat, Jepun, Jerman, United Kingdom, Perancis dan ekonomi sedang pesat membangun seperti Mexico, Chile dan Türkiye |
| | KDNK | Kira-kira USD60 trilion (2022) |
| | Populasi | 1.3 bilion - Belia 18% - Penuaan 17% |
| | Potensi Ekonomi | Pangkalan industri termaju, sektor perkhidmatan yang kukuh dan kedudukan utama dalam perdagangan global |